

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN

31 DISEMBER 2018 (ISNIN)

Haluan komited perkasa jati diri generasi muda

PEKAN - Pertubuhan Himpunan Lepasani Institusi Pendidikan Malaysia (Haluan) komited melaksanakan pelbagai program dalam usaha memperkasakan jati diri generasi muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang.

Ke arah matlamat itu, Haluan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kolej Teknologi Darul Naim (KTD) menganjurkan Kursus Jati Diri dan Kesukarelawanan Remaja 2018, Zon Timur di sini, kelmarin.

Penasihat Program, Mustafa Sulaiman berkata, kursus selama 10 hari itu disertai 52 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018 dari Pahang dan Terengganu.

"Peserta didedahkan dengan 10 modul bimbingan termasuk modul lanjutan paradigma, kemahiran dan profesionalisme, kemahiran baitul



Peserta kursus bergambar selepas berakhirnya Kursus Jati Diri dan Kesukarelawanan Remaja 2018, Zon Timur.

muslim, modul halaqah al-Quran, latihan fizikal dan rekreasi, modul etika siber dan media sosial dan modul khidmat masyarakat.

"Sepanjang kursus ini, peserta diasuh untuk berdikari menguruskan diri serta menguruskan masa dengan efektif selain bimbingan kerohanian seperti solat berjemaah

setiap waktu, membaca al-Quran dan riadah," katanya.

Beliau yang juga Yang Dipertua Haluan Pahang berkata, pendidikan menjadi teras dalam memperkasakan jati diri generasi muda.

Katanya, elemen terpenting diterapkan dalam setiap modul adalah

proses pendidikan yang seimbang merangkumi semua aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Menurutnya, peserta program juga diharap dapat memanfaatkan ilmu dan pengalaman sepanjang kursus ini dengan sebaiknya dan mampu mempraktikkan dalam kehidupan mereka.